

Kandungan

	Halaman
Pra-kata	i
Peñghargaan	iv
Sinopsis	v
 <u>Bab</u>	
1. Pengenalan	1
2. Sejarah Penggunaan Proses 'Four Colour Separations' dan media cetak.	5
2.1 Print dari Awal.	5
2.2 Print di Tanah Melayu.	6
2.3 Kewujudan Photography.	7
2.4 Kewujudan halftone.	10
2.5 Kewujudan photo offset.	11
2.6 Kewujudan Silk Screen.	14
2.7 Kewujudan 'Four Colour Separations'.	16
3. Proses 'Four Colour Separations' dari segi teknologi tinggi dan percetakan.	25
Bagaimana membuat atau menggunakan 'halftone'.	25
3.2 Penghasilan semula warna.	33
Seni tampak sebagai bahasa (alat) perhubungan kepada masyarakat.	55

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah kerana mengizinkan saya untuk berusaha menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala yang dikurniakan olehNya amat berharga untuk diri saya dan keluarga saya dalam menjayakan segala tanggungjawab sebagai seorang pelajar. Walaupun begitu, masih kedapatan kekurangan didalam penyediaan tesis ini dibeberapa bahagian kerana sebagai manusia biasa kita tahu segala yang baik itu datangnya dari Allah dan yang kurang atau buruk itu datangnya dari kita.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan yang ada untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang telah memberi kerjasama secara langsung atau secara tidak langsung di dalam menyumbangkan buah fikiran, kerjasama dan lain-lain di dalam proses penyediaan tesis saya ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada EN. NOREHSAN BIN SULAIMAN, Pensyarah di Jabatan Seni Halus, juga selaku penasihat saya yang telah memberi panduan serta tunjuk ajar serta sokongan berupa buku-buku rujukan dan nasihat untuk perjalanan tesis ini.

Selain dari itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih saya kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Seni Halus yang lainnya yang turut memberi panduan berupa ingatan dan nasihat kepada saya terutama kepada :-

EN. PONARIN AMIN

EN. BAHAMAN HASHIM

EN. FAUZAN OMAR

SINOPSIS

Didalam penyediaan tesis ini, Penulis cuba mengkaji tentang apa yang boleh dilakukan oleh proses 'Four Colour Separation'. Selain dari menghasilkan cetakan yang kemas, cantik dan cepat. Penulis yakin bahawa dengan adanya proses ini dapatlah membantu perkembangan seni tampak kepada masyarakat Malaysia khususnya dan Dunia amnya. Penulis tidak mahu masyarakat di Malaysia hanya mengenali pelukis-pelukis atau seniman luar sahaja malahan pelukis-pelukis dan seniman tempatan tidak kurang hebatnya dan mereka harus mendapat tempat pada masyarakat Malaysia masa kini.

Jika ditanya secara rawak, ramai yang masih termenggu-menggu apabila ditanya tentang pelukis tempatan. Perkara ini berlaku sendiri pada diri penulis dimana beliau tidak mengenali pelukis tempatan sebelum beliau hadir di Institut Teknologi Mara (ITM) untuk melanjutkan pelajaran. Bukan kerana tidak meminati seni tetapi kurangnya penyebaran atau maklumat tentang mereka.

KAEDAH

Didalam menyediakan tesis ini penulis telah menggunakan kaedah pengkajian didalam dua aspek iaitu perjalanan proses didalam mewujudkan proses 'Four Colour Separation' disamping sejarah kewujudannya yang berjalan secara berperingkat-peringkat dan pengkajian dari bahan-bahan media cetak yang membantu perkembangan ini. Media cetak sememangnya boleh menjadi ejen didalam tugas ini. Melalui kedua-dua kaedah yang telah dipilih oleh penulis ini diharap pemerhati atau pembaca dapat memahami dengan jelas apa maksud penulis.

BAB 1.

PENGENALAN

Apabila memperkatakan tentang seni tampak, kita melalui perbagai-bagai zaman yang semakin lama semakin berkembang maju. Kita meneliti dan menghayati sesebuah karya dari pelukis-pelukis yang kita temui yang nama mereka telah menjadi suatu legenda kepada perkembangan serta pertumbuhan senilukis tanahair. Dan kita diharapkan dengan keberbagaian tema yang berkaitan terhadap masyarakat dan individu. Tema-tema yang diperbentangkan ini memberi satu pengajaran atau pedoman untuk masyarakat itu sendiri. Jika kita selidik tentang tema-tema seni tampak yang dibawa oleh seseorang pengkarya kita dapati dengan jelas yang tema-tema ini berdasarkan kepada pengalaman dan peristiwa-peristiwa semasa yang berlalu. Pelukis sedaya upaya meletakkan ekspirasi dan penceritaan yang sebenar kepada penghayat seni.

Apabila memperkatakan tentang penghayat seni, ingin saya jelaskan yang penulisan tesis penulis adalah mengenai perkembangan senilukis kepada masyarakat di Malaysia khususnya dan Dunia amnya. Di Malaysia umpamanya, kenapa masyarakat umum tidak semua yang memperolehi peluang untuk menghayati sesebuah karya seni yang dihasilkan oleh anak watannya?. Perlu saya jawabkan di sini iaitu ianya adalah kerana masih belum ramai lagi masyarakat di Malaysia yang punya waktu untuk berkunjung ke pameran-pameran yang dianjurkan di Hotel-hotel besar dan juga di Galeri-galeri yang terletak di Ibukota ataupun di bandar-bandar besar di Malaysia.